**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**
**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA MPC**

Bil. Mesyuarat :8/2020 (KHAS)
Masa: 12.00 tengahari

Tempat: Bilik Innovation, Blok Inovasi
Tarikh : 2 September 2020 (Rabu)

**Kehadiran:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Tn. Haji Ab Rahim Yusoff | Timb Ketua Pengarah I | Pengerusi |
| 2. | En. Mohd Yazid Abdul Majid | Pengarah, MSF | Ahli |
| 3. | Cik Wan Norhani Wan Khalid | Ketua Akauntan | Ahli |
| 4. | En. Mahadi Hasbullah | Pengurus Kanan, PCT | Urusetia |
| 5. | Pn. Nurul Fatihah Mohd Azlan | Penolong Pengurus PCT | Urusetia |

| Bil | Perkara/Perbincangan | Maklumbalas | Tindakan (PIC) |
|---|---|---|---|
| 1.0 | **Kata-kata Aluan**<br>i. Pengerusi mengalu - alukan kedatangan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir | | |
| 2.0 | **Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 7/2020**<br>Mesyuarat mengesahkan minit mesyuarat Bil 7/2020 tanpa sebarang pindaan. | | |
| 3.0 | **Maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga MPC Bil 6/2020**<br>Mesyuarat mengesahkan maklumbalas mesyuarat Bil 7/2020 tanpa sebarang pindaan. | | |
| 4.0 | ***Membincangkan Lantikan Semula Pembekal bagi Perkhidmatan Penerbitan Video Profesional Bertemakan "GO B.I.G WITH DIGITAL"*** | | |
| | *i.* Mesyuarat mengambil maklum berhubung penarikan diri pembekal terdahulu bagi perkhidmatan sebutharga MPC 6/2020 : Penerbitan Video Profesional bertemakan *"Go B.I.G with Digital"* iaitu Big Hair Enterprise dengan nilai RM127,200 yang telah dimaklumkan melalui emel kepada Dr. Halimahton Saa'diah binti Let pada 5 Ogos 2020.<br>*ii.* Setelah mengambilkira pandangan ahli dan integriti prosedur perolehan Kementerian Kewangan, mesyuarat bersetuju supaya iklan sebut harga bagi perkhidmatan ini dijalankan semula dengan mengambil kira perkara berikut :<br>• Spesifikasi bagi penilaian teknikal disemak dan ditambahbaik oleh Nexus DPN<br>• Jawatankuasa Penilaian Teknikal diwujudkan dengan melantik Champion DPN, dan Unit MIT sebagai ahli.<br>• *Pitching Simulation Session* diadakan sebelum Penilaian Sebut Harga dibuat.<br>*iii.* Mesyuarat juga memohon Unit Perolehan untuk menyediakan kronologi proses sebut harga dan lantikan pembekal terdahulu sebagai persediaan untuk dibentangkan kepada Pihak Pengurusan MPC. | | |

| 6.0 | Hal-hal lain | | |
|---|---|---|---|
| | **MAKLUMAN KEPADA MESYUARAT SEBUT HARGA A BERKENAAN LANJUTAN PROJEK KAJIAN "ENFORCING CONTRACTS: SOLICITORS' FEES - MOVING FORWARD" (PUAN HASLIZAYANTI OTHMAN)**<br><br>i. Untuk makluman, kelulusan Keratan Minit BOM Bil. 368/2019 bertarikh 1 April 2019 diperolehi untuk menjalankan projek Kajian "Enforcing Contracts: Solicitors' Fees - Moving Forward" dan juga telah diluluskan di Mesyuarat Sebut Harga A Bil 5/2019. Surat tawaran telah dihantar kepada pembekal dan menyatakan tempoh projek daripada Jun 2019 sehingga September 2019. Walaubagaimanapun, deraf kontrak perkhidmatan perundingan projek di antara MPC dan Koperasi MPC bermula daripada Julai 2019 sehingga April 2020.<br>ii. Sehubungan dengan itu, sekretariat projek yang baharu telah membuat permohonan melalui Mesyuarat Lembaga Pengurusan MPC untuk melanjutkan tempoh projek bermula Julai 2020 sehingga November 2020.<br>iii. Seterusnya, Mesyuarat mengambil maklum dan meluluskan pelanjutan tempoh projek Kajian "Enforcing Contracts: Solicitors' Fees - Moving Forward" bermula Julai 2020 sehingga November 2020 memenuhi terma rujukan yang termaktub di dalam kontrak perjanjian yang telah ditanda tangani bersama Koperasi MPC. | | |
| 7.0 | **Penangguhan Mesyuarat** | Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang | Makluman |

Disediakan oleh,

Nurul Fatihah Mohd Azlan
Urusetia
Jawatankuasa Sebut Harga MPC
Tarikh: 4/9/2020

Disemak oleh,

Mahadi Hasbullah
Urusetia
Jawatankuasa Sebut Harga MPC
Tarikh: 4/9/2020

Disahkan oleh,

Tn Haji Ab Rahim Yusoff
Pengerusi
Tarikh: 4/9/20

# KRONOLOGI PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO PROFESIONAL BERTEMAKAN "GO B.I.G WITH DIGITAL"

| BIL | TINDAKAN | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Permohonan untuk mengiklan sebut harga diterima oleh PIC.<br> | 2 Mac 2020 |

<table>
<tr><td>2</td><td>IKLAN SEBUT HARGA PERTAMA MPC 5/2020 : PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO PROFESIONAL BERTEMAKAN “GO B.I.G WITH DIGITAL”<br><br>PELAWAAN SEBUTHARGA MPC 5/2020 : PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO PROFESIONAL BERTEMAKAN "GO B.I.G WITH DIGITAL"<br>04/03/2020 11:11 AM<br>Dato Abdul Latif Abu Seman, Ab Rahim Yusoff, Zahid Ismail, Mohd Yazid Abdul Majid, Mohd Azwan Mohd Salleh, Nurul Fatihah Mohd Azlan...<br>Amalina Sapiran/PCT/MSF/MPC<br>Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,<br>Merujuk kepada perkara di atas, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan sukacitanya ingin menjemput pihak tuan/puan untuk menyertai tawaran sebutharga seperti di bawah.<br>2. Tarikh Tawaran dibuka : 04 Mac 2020 (Rabu) jam 2.00 petang<br>Tarikh Tutup : 11 Mac 2020 (Rabu) jam 12.00 tengah hari<br>3. Borang tawaran boleh diambil dalam tempoh tawaran dibuka semasa waktu bekerja pejabat.<br>4. Mohon pastikan syarikat tuan/puan mempunyai kod Kementerian Kewangan (MOF) 010599 dan berdaftar seperti dalam spesifikasi tawaran sebutharga.</td><td>4 Mac 2020</td></tr>
<tr><td>3</td><td>MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA MPC BIL. 4/2020 pada 9 Mei 2020 telah bersetuju untuk menangguhkan pembekal, memandangkan hanya 3 sebut harga diterima dan hanya satu sahaja yang layak dipertimbangkan.</td><td>9 Mei 2020</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td>

| 4.0 | ***Mempertimbangkan kertas tawaran sebutharga:*** | | |
|---|---|---|---|
| | **Kertas (SH) A-6: MPC 5/2020**<br><br>Perkhidmatan Penerbitan Video Profesional Bertemakan "*Go B.I.G With Digital*" | **Mesyuarat menangguhkan pelantikan pembekal dan memohon supaya sebutharga diiklankan semula, supaya penilaian dapat dibuat dengan lebih** objektif. | ***PIC* : Nor Izzati Norhisam/DMO/MPC** |

</td>
<td></td>
</tr>
<tr>
<td>4</td>
<td>
Iklan sebut harga dibuat sekali lagi bagi Video Profesional Bertemakan "GO B.I.G WITH DIGITAL" dibuat pada 3 Jun 2020



</td>
<td>3 Jun 2020</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><td>5</td><td>Pernilaian ke atas sebut harga telah dibuat dan telah dibincangkan di Mesyuarat Sebut Harga A Bil 5/2020 pada 24 Jun 2020.<br>Sebanyak 3 penyebut harga yang menghantar sebut harga, walaubagaimanapun selepas penilaian dibuat oleh JK Penilaian Harga, hanya 2 penyebutharga sahaja yang layak dipertimbangkan.<br><br>Mesyuarat telah bersetuju untuk melantik pembekal 1/3 iaitu Big Hair Enterprise dengan nilai sebanyak RM 127,200.00 berdasarkan harga terendah dan menepati spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan.<br><br>
<table>
<tr><td>4.0</td><td colspan="2">Mempertimbangkan kertas tawaran sebutharga:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Mempertimbangkan kertas tawaran sebutharga<br><br>Kertas (SH) A-7: MPC 6/2020 Perkhidmatan Penerbitan Video Profesional Bertemakan "Go B.I.G With Digital"</td><td>Mesyuarat meluluskan pembekal 1/3, Big Hair Enterprise sebagai pembekal bagi perkhidmatan ini dengan nilai sebanyak RM127,200.00 (termasuk 6% SST)</td><td>PIC : Nor Izzati Norhisam/DMO/MPC</td></tr>
</table>
</td><td>24 Jun 2020.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan oleh Unit Perolehan untuk diserahkan kepada pembekal pada perjumpaan pertama bersama PIC DPN pada 30 Jun 2020.<br>Turut hadir bersama adalah Working Group Leader DPN. En. Shaifubahrim</td><td>30 Jun 2020</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Sesi perbincangan bersama Big Hair Enterprise bersama Champion, Dato' Wei Chuan Beng dan Sekretariat DPN bagi membincangkan konsep video. Sesi ini turut dihadiri oleh Encik Shaifubahrim.</td><td>14 Julai 2020</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>8</td><td>Pegawai memaklumkan terdapat sedikit kesalahan pada nama pembekal dan memohon supaya Unit Perolehan membuat pembetulan kepada SST tersebut. SST telah diserahkan kepada PIC untuk diserahkan kepada pembekal.</td><td>15 Julai 2020</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Sesi perbincangan untuk muktamadkan konsep video bersama Big Hair Enterprise. En Shaifubahrim turut hadir.</td><td>23 Julai 2020 -</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Walaubagaimanapun, pada 5 Ogos 2020 pembekal telah menghantar emel kepada Dr Halimaton Sa'adiah Let untuk menarik diri dari meneruskan perkhidmatan ini.<br><br>Re: Penarikan diri Bighair daripada Projek B.I.G<br>Assalamualaikum Puan Izzati, terlebih dahulu saya wakil daripada Syarikat Bighair Enterprise berbesar hati mengucapkan ribuan terima kasih kerana memilih kami sebagai Vendor yang akan menerbitkan video di bawah kempen Go B.I.G with Digital bersama MPC dan DPN.<br>Sehubungan dengan itu, pihak kami telah cuba memberikan sepenuh komitmen dalam merealisasikan kempen ini namun ada beberapa kekangan masa dan pergerakan yang menghalang kami untuk meneruskannya.<br>Oleh itu, email ini bertujuan untuk memberitahu bahawa dengan dukacita Syarikat Bighair Enterprise terpaksa menarik diri sepenuhnya dalam memenuhi hasrat MPC dan DPN.<br>Semoga ada kerjasama lain selepas ini yang boleh kami jayakan bersama-sama. Mohon maaf dan semoga berjaya.<br>Ashraf Alam<br>Penerbit Eksekutif<br>Bighair Enterprise<br>Sent from my iPhone</td><td>5 Ogos 2020</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Mesyuarat Sebut Harga A Bil 8/2020 (Khas) pada 2 September yang lalu, telah bersetuju supaya perkhidmatan ini diiklankan semula.</td><td>2 September 2020</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 11 | Sebut Harga bagi perkhimatan ini elah diiklan semula pada 4 September 2020. | 4 September 2020 |



TAWARAN SEBUTHARGA MPC 11/2020 : PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO PROFESIONAL BERTEMAKAN " GO BIG WITH DIGITAL"

04/09/2020 04:25 PM

Mohd Yazid Abdul Majid, Mahadi Hasbullah, Nurul Fatihah Mohd Azlan, Siti Zurianah Othman, Muhammad Afzani Ahmad, Zuraidi Zainol...

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Merujuk kepada perkara di atas, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan sukacitanya ingin menjemput pihak tuan/puan untuk menyertai tawaran sebutharga seperti di bawah.

2. Tarikh Tawaran dibuka : 07 September 2020 (Isnin) jam 9.30 pagi
Tarikh Tutup : 14 September 2020 (Isnin) jam 12.00 tengah hari

3. Borang tawaran juga boleh diambil dalam tempoh tawaran dibuka semasa waktu bekerja pejabat.

3. Iklan MPC 11_2020 - Penerbitan Video.pdf

4. Mohon pastikan syarikat tuan/puan mempunyai mana-mana kod bidang Kementerian Kewangan (MOF) 010599/ 221302/ 221303/ 221304 dan berdaftar seperti dalam spesifikasi tawaran sebutharga.

5. Taklimat teknikal bagi sebutharga akan diadakan seperti ketetapan berikut. Tuan/Puan yang berminat dijemput hadir untuk sesi taklimat dan soal-jawab.

(i) Tarikh : 7 September 2020 (Isnin)
(ii) Masa : 9.30 - 10.30 pagi
(iii) Tempat : Bilik TQM, Blok Inovasi, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Petaling Jaya, Selangor.

6. Tuan/Puan adalah tertakluk untuk memenuhi SOP Majlis Keselamatan Negara untuk memasuki bangunan MPC. Sila pakai topeng muka dan membuat [illegible]